

**Untuk Siaran Segera
29 November 2020**

**ASNB ISYTIHAR RM40.57 JUTA JUMLAH PENGAGIHAN PENDAPATAN BAGI
ASN IMBANG 1**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana unit amanah harga berubah, ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1 (ASN Imbang 1) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2020.
- **ASN Imbang 1** mengisytiharkan jumlah pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM40.57 juta, iaitu pulangan sebanyak 3.32 sen seunit. Pengagihan pendapatan ini memberikan hasil dividen 3.60% berdasarkan jangkaan Nilai Aset Bersih dana pada 30 November 2020. Pembayaran ini akan memberi manfaat kepada 46,156 pemegang unit dengan pelaburan berjumlah 1.22 bilion unit.
- Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 27 November hingga 30 November 2020 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka melalui portal myASNB di www.myasnb.com.my atau aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Disember 2020.

Kuala Lumpur, 29 November 2020: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2020 untuk dana unit amanah harga berubah, ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 1 (ASN Imbang 1) berjumlah RM40.57 juta.

Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) meningkat sebanyak 3.23% untuk tahun kewangan semasa setakat 26 November 2020, daripada 1,561.73 mata ke 1,612.11 mata dalam tempoh yang sama. Peningkatan itu, walaupun sedikit adalah perkembangan yang baik buat PNB yang sentiasa komited dalam usaha memberikan pulangan yang kompetitif dan perkhidmatan terbaik kepada pemegang unit dalam mengharungi wabak coronavirus yang berpanjangan ini. PNB juga telah melaksanakan beberapa strategi untuk meningkatkan portfolio pelaburan dengan mempelbagaikan portfolio dalam ekuiti antarabangsa dan memberi fokus kepada sektor yang kurang rentan terhadap persekitaran ekonomi semasa.

Jumlah pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan semasa adalah bersamaan dengan 3.32 sen seunit dibayar kepada 46,156 pemegang unit dengan pelaburan berjumlah 1.22 bilion unit dengan kadar hasil dividen sebanyak 3.60% berdasarkan jangkaan Nilai Aset Bersih (NAB) dana pada 30 November 2020. Pengagihan pendapatan yang diisytiharkan adalah hasil daripada keuntungan dana terealisasi, dividen dan lain-lain pendapatan, selaras dengan objektif dana dan usaha PNB untuk memberikan pulangan jangka panjang yang berterusan kepada pemegang unitnya.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Imbang 1 adalah berdasarkan unit yang dipegang dan NAB setakat 30 November 2020. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun mereka pada 1 Disember 2020.

Urus niaga di semua cawangan ASNB dan ejen seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 27 November hingga 30 November 2020 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di portal myASNB di www.myasnb.com.my atau melalui aplikasi mudah alih, atau di mana-mana cawangan atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Disember 2020.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 dana unit amanah dengan 262 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.5 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

ASN Imbang 1

ASN Imbang 1 merupakan dana unit amanah harga berubah yang telah dilancarkan pada 16 Oktober 2001. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai kepada pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan serta mengharapkan pertumbuhan modal bagi tempoh jangka masa sederhana ke jangka panjang.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

1. Aimi Aziz, Ketua, Jabatan Komunikasi PNB | aimiaziz@pnb.com.my | 019-221 7007
2. Nurman Mohd Nawi, Ketua, Pemasaran & Publisiti, ASNB | nurman_mn@pnb.com.my | 012-501 2485

PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2020

DANA HARGA BERUBAH



ASN Imbang 1

3.32 sen
seunit

RM 40.57 juta

Jumlah Pengagihan

MEMANFAATKAN

46,156

Pemegang Unit

Prospektus Induk Gantian bertarikh 1 Februari 2020 dan Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my), cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.